



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Aras G - 6, Rumah Persekutuan  
Jalan Sultan Hishamuddin  
50678 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA



Tel. : 03-2610 3300  
Faks : 03-2610 3499  
Portal Rasmi : [www.ptgwp.gov.my](http://www.ptgwp.gov.my)

Rujukan Tuan :  
Rujukan Kami : PTGWP16/17 Jld 85 (64)  
Tarikh : 22 Disember 2017

**Badan Peguam Malaysia,  
No. 13, 15 & 17,  
Leboh Pasar Besar,  
50050 Kuala Lumpur**

**Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur  
4th Floor,  
Wisma Hangsam,  
No. 1, Jalan Hang Lekir,  
50000 Kuala Lumpur**

**Jawatankuasa Peguam Selangor  
No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15,  
Seksyen 13,  
40100 Shah Alam  
Selangor**

Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PROSEDUR PERSERAHAN URUSNIAGA MELIBATKAN BAYARAN  
CUKAI TANAH TAHUN 2018**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melalui mesyuarat bilangan 716/2017 bertarikh 21 Disember 2017 telah memutuskan supaya pelaksanaan Cukai Petak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditangguhkan.
3. Oleh itu, bagi perserahan urusniaga pada tahun 2018, pihak tuan/puan hendaklah memastikan cukai tanah tahun 2018 telah dijelaskan sepenuhnya sebelum pendaftaran perserahan urusniaga dikemukakan. Keperluan ini adalah selaras seksyen 301A Kanun Tanah Negara 1965.

4. Bagaimanapun, bagi perserahan urusniaga ke atas hakmilik strata yang dikemukakan sebelum 1 Jun 2018 dan cukai tanah tahun 2018 belum dijelaskan, pihak tuan/puan perlu mengemukakan dokumen berikut sebagai bukti pengesahan bayaran cukai tanah tahun 2018:-

- i. Salinan sah resit bayaran cukai tanah tahun 2018 ke atas petak/unit yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pengurusan (MC) atau Badan Pengurusan Bersama (JMB);
- ii. Surat asal pengesahan bayaran cukai tanah tahun 2018 ke atas petak/unit oleh Perbadanan Pengurusan (MC) atau Badan Pengurusan Bersama (JMB); dan
- iii. Memastikan cukai tanah tahun 2017 yang telah dijelaskan sepenuhnya.

5. Kerjasama pihak tuan/puan amat diharapkan bagi melancarkan proses perserahan urusniaga pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(AHMAD FUAD BIN MUSTAFFA)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian  
Wilayah Persekutuan